

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

**GARIS PANDUAN PEMBERIAN SUMBANGAN
JAWATANKUASA KECIL BERKAT**

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

JAWATANKUASA KECIL KEBAJIKAN
POLISI / GARIS PANDUAN PEMBERIAN SUMBANGAN

1. SKOP

Pemberian bantuan melalui Jawatankuasa Kecil Kebajikan kepada:

- 1.1 Ahli.
- 1.2 Waris kepada ahli yang meninggal dunia.

2. PEMBERIAN SUMBANGAN / BANTUAN

- 2.1 Bantuan Bencana Alam – diberi kepada ahli yang mengalami musibah kebakaran, banjir, tanah runtuh, ribut dan sebagainya.
- 2.2 Bantuan Kematian Ahli - diberikan kepada waris ahli yang meninggal dunia.
- 2.3 Bantuan Kematian Keluarga Ahli - diberikan kepada ahli.
- 2.4 Lain-lain bantuan kepada ahli dalam kesusahan.

3. KELAYAKAN

- 3.1 Ahli BERKAT.
- 3.2 Waris kepada ahli yang meninggal dunia.
- 3.3 Keluarga ahli yang meninggal dunia. Keluarga ahli terdiri daripada suami/ isteri/ ibu/ bapa kandung/ anak yang berumur tidak lebih 18 tahun/ OKU.

4. BENTUK DAN KADAR BANTUAN

4.1 Bantuan ini akan dikeluarkan berdasarkan kepada kejadian bencana alam dan kematian.

4.2 Kadar bantuan adalah seperti berikut:

- 4.2.1 Bantuan Bencana Alam diberi kepada ahli dan jumlah kerugian yang dialami tertakluk kepada maksima RM700. Bantuan diberi sekali sahaja dalam tempoh setahun.
- 4.2.2 Bantuan kematian ahli diberikan kepada waris ahli sebanyak RM500.
- 4.2.3 Bantuan kematian keluarga ahli sebanyak RM250.

4.3 Bantuan bagi permohonan yang sama layak diberi sekali sahaja bagi setiap keluarga.

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

5. KELULUSAN JAWATANKUASA

5.1 Bantuan di atas adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa.

Nota:

- Mesyuarat Jawatankuasa BERKAT Bil.7 Tahun 2002-2003 telah meluluskan bayaran bantuan kebajikan ke atas ahli yang meninggal dunia boleh dibayar dahulu dan kemudian dimaklumkan kepada mesyuarat Jawatankuasa BERKAT mengikut kadar berikut: Ahli Bujang – RM200.00, Ahli Berkahwin belum mempunyai anak – RM 300.00, Ahli yang mempunyai anak – RM400.00.
- Mesyuarat Jawatankuasa Khas BERKAT Bil. 4 Tahun 2014 telah meluluskan bayaran bantuan kebajikan ke atas ahli yang terlibat dalam bencana alam mengikut kadar berikut: Anggaran Kerugian \leq RM1000 - RM100; RM1001-RM3000 - RM200; RM3001-RM5000 - RM300; RM5001- RM10000 - RM400; > RM10000 - RM500.
- Mesyuarat Jawatankuasa BERKAT Bil. 3 Tahun 2015 telah meluluskan bayaran bantuan kebajikan ke atas ahli yang terlibat dalam bencana alam mengikut kadar berikut: Anggaran Kerugian \leq RM1000 – RM200; RM1001-RM3000 – RM350; RM3001-RM5000 – RM450; RM5001- RM10000 – RM550; > RM10000 – RM700. Kemusnahan barangan/ peralatan yang berada di rumah seperti berikut: (i) Rumah yang dimiliki/ disewa/ didiami oleh ahli; (ii) Rumah yang dimiliki oleh ahli tetapi didiami oleh Ibu/Bapa ahli. Bagi bantuan kematian seperti berikut: (i) Kadar kematian ahli diselaraskan kepada RM500 sahaja (tanpa kategori ahli bujang/berkeluarga); (ii) Kadar kematian keluarga ahli sebanyak RM250. Ia berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

JAWATANKUASA KECIL PENDIDIKAN
POLISI / GARIS PANDUAN PEMBERIAN SUMBANGAN

1. SKOP

Pemberian bantuan melalui Jawatankuasa Kecil Pendidikan kepada:

- 1.1. Anak kepada ahli yang susah.
- 1.2. Anak kepada ahli yang telah meninggal dunia.
- 1.3. Anak kepada ahli yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

2. PEMBERIAN SUMBANGAN / BANTUAN

- 2.1 Bantuan persekolahan.
- 2.2 Bayaran masuk Institut Pengajian Tinggi (IPT).
- 2.3 Anugerah kepada anak-anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan seperti berikut:
 - 2.3.1 UPSR
 - 2.3.2 PT3
 - 2.3.3 SPM
 - 2.3.4 STPM

3. KELAYAKAN

- 3.1 Ahli yang susah.
- 3.2 Anak-anak yang bersekolah (sekolah rendah dan menengah).
- 3.3 Anak yang menuntut di IPT buat kali pertama.
- 3.4 Pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan dinyatakan seperti para 2.3

4. BENTUK DAN KADAR BANTUAN

- 4.1 Bentuk bantuan adalah yang seperti berikut:
 - 4.1.1 Kadar bantuan persekolahan ialah seperti berikut:
 - 4.1.1.1 Sekolah rendah RM100/seorang
 - 4.1.1.2 Sekolah menengah RM200/seorang

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

4.2 Anugerah cemerlang berdasarkan keputusan peperiksaan seperti berikut:

- 4.2.1 UPSR (sekurang-kurangnya 5A) RM50
- 4.2.2 PT3 (sekurang-kurangnya 8A) RM70
- 4.2.3 SPM (sekurang-kurangnya 8A) RM80
- 4.2.4 STPM (sekurang-kurangnya 5A) RM100

4.3 Bantuan bagi 4.1 diberi di atas kadar maksima RM500.00 sekeluarga.

4.4 Bantuan bayaran masuk IPT dibayar sekali sahaja iaitu pada mula masuk ke IPT di atas kadar maksima RM500.00 sekeluarga.

4.5 Bantuan bagi permohonan yang sama layak diberi sekali sahaja bagi setiap keluarga.

5. KELULUSAN JAWATANKUASA

5.1 Bantuan di atas adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa.

Nota:

- Ahli yang susah - pendapatan kasar ahli dan suami/isteri kurang daripada RM3000 sebulan.
- Mesyuarat JK BERKAT bil. 5 tahun 2014 memutuskan bantuan untuk anak ahli yang layak memasuki IPT di peringkat Diploma/Ijazah adalah untuk kali pertama sahaja dan perlu disahkan oleh Agen BERKAT.

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

JAWATANKUASA KECIL SOSIAL
POLISI / GARIS PANDUAN PEMBERIAN SUMBANGAN

1. SKOP

Pemberian bantuan melalui Jawatankuasa Kecil Sosial kepada:

- 1.1 Anak kepada ahli yang susah.
- 1.2 Anak kepada ahli yang meninggal dunia.

2. PEMBERIAN SUMBANGAN / BANTUAN

2.1 Bantuan Perayaan utama mengikut agama/kaum yang mana berkenaan:

- 2.1.1 Hari Raya Aidilfitri.
- 2.1.2 Tahun Baru Cina.
- 2.1.3 Deepavali.
- 2.1.4 Krismas.
- 2.1.5 Gawai.
- 2.1.6 Lain-lain perayaan utama kaum lain.

3. KELAYAKAN

- 3.1 Ahli yang susah. Anak yang berumur tidak lebih 18 tahun dan masih di bawah tanggungan penjaga/ OKU.
- 3.2 Anak Yatim (anak kepada ahli yang telah meninggal dunia) yang berumur tidak lebih 18 tahun dan masih di bawah tanggungan penjaga/ OKU.

4. BENTUK DAN KADAR BANTUAN

4.1 Bantuan ini diberikan berdasarkan kepada tarikh perayaan tersebut di atas.

- 4.1.1 Bagi kelayakan 3.1, bantuan diberi adalah berdasarkan kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa.
- 4.1.2 Bagi kelayakan 3.2, bantuan diberi setiap tahun.

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

4.2 Kadar bantuan adalah seperti berikut:

- 4.2.1 Bagi kelayakan 3.1, akan berpandukan jumlah anak ahli tersebut yang di bawah tanggungannya dan berusia tidak lebih 18 tahun/ OKU. Kadar bantuan adalah RM70.00 seorang.
- 4.2.2 Bagi kelayakan 3.2, akan berpandukan jumlah anak ahli tersebut yang di bawah tanggungannya dan berusia tidak lebih 18 tahun/ OKU. Kadar bantuan tidak melebihi RM100.00 seorang dan tertakluk kepada jumlah maksima RM500.00 bagi satu keluarga.

4.3 Bantuan bagi permohonan yang sama layak diberi sekali sahaja bagi setiap keluarga.

5. KELULUSAN JAWATANKUASA

5.1 Bantuan di atas adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa.

Nota:

- Ahli yang susah - pendapatan kasar ahli dan pasangan (suami/isteri) kurang daripada RM3000 sebulan.
- Mesyuarat Agung Dwi Tahunan BERKAT Tahun 2016 memutuskan bahawa kadar bantuan kepada setiap anak ahli yang susah dinaikkan daripada RM50 kepada RM70 tanpa sebarang jumlah maksimum.

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

JAWATANKUASA KECIL KESIHATAN
POLISI / GARIS PANDUAN PEMBERIAN SUMBANGAN

1. SKOP

Pemberian bantuan melalui Jawatankuasa Kecil Kesihatan kepada:

1.1 Ahli.

1.2 Keluarga kepada ahli yang masih hidup atau yang meninggal dunia.

2. PEMBERIAN SUMBANGAN / BANTUAN

2.1 Bantuan kesihatan adalah bantuan kewangan yang dikeluarkan bagi ahli atau keluarga ahli:

2.1.1 Mengalami masalah kesihatan yang teruk atau kritikal yang memerlukan bantuan.

2.1.2 Mengalami kecederaan yang parah akibat daripada kemalangan.

2.1.3 Membeli peralatan sokongan bagi kurang upaya sekiranya tidak dibiayai/mendapat bantuan kerajaan.

2.1.4 Memasuki wad bagi mendapat rawatan (kecuali masuk wad kerana bersalin) dengan kekerapan sekali sahaja dalam setahun.

3. KELAYAKAN

3.1 Ahli.

3.2 Keluarga kepada ahli yang terdiri daripada suami/isteri/anak berumur tidak lebih 18 tahun dan masih di bawah tanggungan.

4. BENTUK DAN KADAR BANTUAN

4.1 Bantuan kesihatan ini diberikan berdasarkan kepada kes-kes yang tertentu dan dicadangkan kepada Jawatankuasa untuk kelulusan.

4.2 Kadar sumbangan adalah tidak melebihi RM1,000.00.

4.3 Kadar sumbangan bagi memasuki wad diberi dalam bentuk bunga atau buah-buahan bernilai RM50.00 yang boleh dituntut daripada BERKAT.

4.4 Bantuan bagi permohonan yang sama layak diberi sekali sahaja bagi setiap keluarga.

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(BERKAT)

5. KELULUSAN JAWATANKUASA

5.1 Bantuan di atas adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa.

Nota:

- Mesyuarat Jawatankuasa BERKAT Bil.8 Tahun 2002-2003 telah meluluskan bayaran bantuan pendahuluan sebanyak RM250.00 kepada ahli yang dimasukkan ke hospital kerana kemalangan dan mendapat penyakit kronik. Bayaran yang telah dibuat hendaklah dilaporkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa BERKAT.